

Kaji semula peranan masjid — Prof. Ibrahim

16 AUG 2002

Oleh ASUKI ABAS
dan MARHAINI
KAMARUDDIN

SHAH ALAM 15 Ogos — Peranan masjid dalam kehidupan umat Islam perlu dikaji semula agar ia bukan sekadar menjadi tempat beribadat malah juga relevan sebagai pusat pembelajaran.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, untuk tujuan itu, imam dan ulama perlu pakar dalam perkara-perkara akhirat dan pada masa yang sama, mahir dengan pengetahuan disiplin dunia serta kemahiran.

"Ini boleh dicapai secara total dengan mengkaji semula seluruh struktur masjid dari segi fungsi dan kelayakan pendidik-

an pengendali institusi itu memandangkan mereka yang menyampaikan ilmu kepada khalayak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada sesi perbincangan Institut Pengembangan Ilmu (Inka) UiTM bertajuk *Politik Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi* di sini hari ini.

Sesi perbincangan itu diadakan sempena Dialog Mahathir Mengenai Kemajuan Ummah anjuran Inka yang berlangsung selama empat hari mulai Isnin lalu.

Prof. Ibrahim percaya bahawa kemampuan untuk memiliki ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang lebih diterima hari ini berbanding beberapa tahun lalu sejak kedatangan sains dan teknologi (S&T).

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan tentang perlunya perubahan dalam sistem pendidikan di negara-negara Islam supaya penekanan seimbang diberikan kepada kemahiran dan pengetahuan semasa di samping

pendedahan terhadap aspek kerohanian.

Beliau berkata, kegagalan memahami budaya ilmu pengetahuan yang dituntut oleh al-Quran dan sunah telah menyebabkan umat Islam sekarang kehilangan kuasa untuk memimpin.

"Mereka tunduk kepada kuasa barat dan sekadar membisu mendengar kejayaan dicapai dalam bidang-bidang yang dulunya dikuasai oleh umat Islam," katanya.

Bagi kebanyakan orang Islam kini, menurut beliau, menganggap umat Islam hanya layak menjadi pengimport dan pengguna.

"Sungguhpun dalam bidang yang kita adalah pengeluaran dan pengilang, kita bukan pengasasnya tetapi sekadar peminjam dan peniru.

"Kita dikenali sebagai

pengguna dan pengikut teknologi Jepun, demokrasi Amerika, pendidikan British, gaya Eropah dan senarai itu berterusan," katanya.

Bagi Prof. Ibrahim, era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membawa rahmat tersendiri apabila Internet menyediakan saluran untuk mempercepat pelaksanaan strategi bagi menyelaras sumber dan memperkasa ummah menghadapi cabaran kurun ke-21.

Menurutnya, umat Islam tidak lagi boleh berfungsi sebagai individu.

Sebaliknya beliau berpendapat sistem rangkaian efektif perlu diwujudkan untuk mempercepat pertukaran idea dan memperkenalkan program-program yang boleh memberi faedah kepada seluruh ummah.